

04 OCT 1997

Mohamed-Media

MEDIA BARAT DIINGATKAN JANGAN BUAT LAPORAN NEGATIF MENGENAI MALAYSIA

JOHOR BAHRU, 4 Okt (Bernama) -- Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat mengingatkan media Barat supaya tidak membuat laporan negatif mengenai Malaysia khususnya yang memburuk-burukkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tindakan boleh diambil terhadap media Barat yang didapati membuat laporan yang tidak bertanggungjawab, katanya kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan mesra dengan pemimpin Barisan Nasional (BN) parlimen Pulau di sini hari ini.

Beliau berkata kementerianya sedang mengawasi setiap laporan media Barat yang beroperasi di negara ini bagi memastikan apa yang dilaporkan tidak berbentuk negatif dan mencemarkan imej pemimpin negara.

Mohamed berkata kerajaan membenarkan media Barat beroperasi di negara ini dengan tujuan untuk membolehkan mereka membuat laporan yang positif serta bertanggungjawab mengenai Malaysia.

Katanya, pandangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri khususnya mengenai kejatuhan nilai mata wang sejak akhir-akhir ini bukan sahaja bagi kepentingan Malaysia tetapi juga seluruh dunia.

Oleh itu, tidak sepatutnya dia dihalang daripada menggunakan haknya sebagai seorang pemimpin dari segi kebebasan bersuara, kata beliau.

"Saya merayu kepada rakyat supaya berdiri di belakang Perdana Menteri kerana penting bagi kita semua bersatu padu dan mendokong pemimpin dalam memperjuangkan kepentingan kita keseluruhannya," katanya.

Mohamed berkata rakyat tidak seharusnya termakan dengan dakwah media Barat mengenai pemimpin negara.

"Kita lihat daripada segi perkembangan sekarang, media Barat cuba hendak menjatuhkan imej Perdana Menteri untuk mengurangkan keyakinan orang luar terhadap dirinya (Dr Mahathir) dan juga mengurangkan keyakinan rakyat jelata terhadap beliau sebagai pemimpin negara," kata beliau.

Mohamed juga berkata Perdana Menteri akan menyampaikan amanat negara mengenai teknologi maklumat pada perasmian Kempen Teknologi Maklumat yang merupakan agenda baru negara pada 11 Okt ini dan kerajaan meminta semua badan penyiaran supaya menyiarkannya secara langsung.

"Ini kali pertama kita meminta Perdana Menteri menyampaikan amanat negara mengenai satu isu besar negara yang mesti dilaksanakan," tambahnya.

-- BERNAMA

MKO oba